

28/01/1998

Wanita Umno Perak jual barang kemas

IPOH, Selasa - Pergerakan Wanita Umno Perak menjadi pertubuhan politik pertama di negara ini menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya kaum wanita menjual barang kemas dan menyimpan wang diperolehi di dalam bank bagi meningkatkan kecairan negara.

Ketua Wanita Umno Bahagian Pasir Salak, Ainon Khairiyah Datuk Mohd Abas, berkata pergerakan itu dalam mesyuaratnya Jumaat lalu memutuskan untuk melancarkan Gerakan Menjual Barang Kemas Persendirian sebagai usaha membantu kerajaan menangani kegawatan ekonomi negara.

Menurutnya, majlis pelancaran yang akan disempurnakan Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib itu akan diadakan mulai jam 11 pagi, 10 Februari, di Dewan Bulan Sabit Merah, di sini.

Sehubungan itu, katanya, semua wanita di negeri ini diminta keluar beramai-ramai menjual sebahagian barang kemas mereka termasuk yang lama dan rosak pada hari berkenaan, sebagai tanda sokongan kepada usaha pemulihan ekonomi negara.

"Gerakan itu sebagai menyahut saranan Dr Mahathir dalam usaha membantu kerajaan menangani kegawatan ekonomi masa kini.

"Wang penjualan barang kemas itu dapat membantu institusi kewangan dan secara tidak langsung membantu rakyat menjalankan pelbagai urusan.

"Tidak guna kaum wanita menyimpan terlalu banyak barang kemas kerana mereka tidak mungkin dapat memakainya dalam satu masa. Lagipun, memakai barang kemas terlalu banyak akan mendedahkan diri kepada berlakunya jenayah.

"Oleh itu, mereka seharusnya mengubah nilai budaya memakai barang kemas supaya berpatutan dan menjual sebahagiannya termasuk yang lama atau rosak.

"Wang yang diperolehi boleh disimpan di dalam bank tempatan," katanya.

Baru-baru ini, Dr Mahathir mencadangkan wanita negara ini yang banyak memiliki barang kemas menjual sebahagian daripada milik mereka untuk meningkat kecairan negara.

Beliau yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi berkata, pihaknya bekerjasama dengan sebuah syarikat perniagaan emas untuk menjayakan gerakan itu.

Menurutnya, syarikat terbabit akan membuka kaunter untuk membeli barang kemas mengikut proses yang ditetapkan dan bayaran dibuat dalam bentuk tunai mengikut harga pasaran.

(END)